

02 SEP 1999

Hassan-muzium

KEDIAMAN RASMI PEGAWAI DAERAH DIJADIKAN MUZIUM

SHAH ALAM, 2 Sept (Bernama) -- Selangor merancang untuk menjadikan bangunan kediaman rasmi Pegawai Daerah Kuala Selangor dan Kuala Langat sebagai muzium daerah.

Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata kerajaan negeri juga sedang mencari sebuah bangunan lama yang sesuai di Hulu Langat untuk dijadikan muzium daerah.

Beliau berkata muzium daerah bertujuan untuk memelihara khazanah kesenian bangsa dan warisan kebudayaan negara.

"Lembaga Muzium Selangor sedang menyiapkan laporan lengkap mengenai cadangan pembinaan ketiga-tiga muzium ini, yang akan dibentangkan pada mesyuarat kerajaan negeri tidak lama lagi," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan perayaan Ulang tahun ke-10 Muzium Sultan Alam Shah di sini hari ini.

Katanya komitmen kerajaan negeri mewujudkan muzium daerah menunjukkan Selangor tidak lupa kepada warisan bangsanya.

Abu Hassan seterusnya mengumumkan pembatalan majlis perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat, yang pada mulanya dijadulkan akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 14 Sept ini di Klang.

Katanya, bagaimanapun majlis lain yang membabitkan Perdana Menteri seperti perjumpaan dengan anggota Badan Perhubungan Umno Selangor dan Perasmian Kompleks Sukan di Kuala Selangor pada 13 Sept akan diteruskan sebagaimana yang dirancang.

Beliau berkata pada 14 Sept Perdana Menteri akan menghadiri perjumpaan tertutup dengan pemimpin parti komponen Barisan Nasional di Dewan Jubli Perak, Shah Alam sebelum menghadiri majlis perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Taman AU3, Taman Keramat pada sebelah petangnya.

-- BERNAMA

AZH RI